

Infrastruktur komuniti dan hubungannya dengan golongan transeksual di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia

Suriati Ghazali, Jabil Mapjabil dan Azilah Mohamad Nor

Universiti Sains Malaysia

ABSTRAK

Kebanyakan kajian di Barat menunjukkan golongan transeksual bebas menggunakan infrastruktur komuniti di sekitar tempat tinggal mereka untuk membina dan mengukuhkan gaya hidup transeksual. Fenomena transeksualisme juga semakin ketara di Malaysia, khasnya di kalangan pelajar institusi pengajian tinggi. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji peranan infrastruktur komuniti di dalam dan sekitar institusi pengajian tinggi di Malaysia dan cara ianya membina dan mengukuhkan identiti golongan ini. Kajian tiga tahun (2006-2009) telah dijalankan ke atas 60 pelajar lelaki transeksual di dua buah institusi pengajian tinggi awam iaitu Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Metod persampelan snowball telah digunakan bagi mendapatkan 30 orang responden daripada setiap universiti dikaji. Pengumpulan data dilakukan menggunakan kaedah kualitatif yang melibatkan soalselidik terbuka, temubual mendalam dan berulang, komunikasi secara bersemuka dan melalui ruangan sembang di internet, penulisan diari, dan pemerhatian ikut serta. Kajian ini mendapati infrastruktur komuniti di dalam dan sekitar kawasan universiti - seperti kafe siber, pusat membeli belah, farmasi, premis-premis menjual majalah dan surat khabar, spa dan salun serta kawasan rekreasi - telah digunakan dengan meluas oleh golongan ini untuk membina dan mengukuhkan identiti mereka sebagai transeksual. Implikasi kajian ini adalah menyumbangkan kepada pengetahuan dan pemahaman tentang bagaimana fenomena transeksual di Malaysia semakin menular dan mempunyai trend yang sama dengan keadaan di Barat, yang mana sebahagian besarnya disumbangkan oleh infrastruktur komuniti yang menyokong keperluan mereka.

Kata kunci: *Infrastruktur komuniti; identiti; transeksual; institusi pengajian tinggi; Malaysia*

ABSTRACT

Most studies in the West indicate that transsexual groups are free to take advantage of community infrastructure surrounding them in order to construct and strengthen their identity and transsexual way of life. Transsexual phenomenon has also become more evident in Malaysia, especially among male students in the higher education institutions. The objective of this study is to examine the role of community infrastructure surrounding Malaysian higher education institutions in constructing and strengthening the identity of this group. A three year study (2006-2009) was conducted on 60 male transsexual students in two public higher education institutions, namely Universiti Sains Malaysia (USM) and Universiti Utara Malaysia (UUM). Snowball sampling method was facilitated in choosing 30 respondents from each universities. Qualitative methods were used in the collection and interpretation of data, which include open ended

questionnaire survey, in-depth and repeated interviews, face-to-face discussion and chatting via internet, diary writing and also participation observation. This study uncovers that community infrastructure surrounding the universities – such as cafe cyber, shopping complexes, pharmacies, bookstores and premises selling newspapers and magazines, beauty salons and spas, and also recreational parks – are used widely by this group in order to construct and strengthen their transgender identity. This study contributes to the understanding and knowledge on transsexual phenomenon in Malaysia which is now spreading and is showing the similiar trend with those of the West, in which a large proportion of this has been contributed by the community structure that supported their needs.

Keywords: *community infrastructure, identity, transsexual, higher education institution, Malaysia*

Pengenalan

Infrastruktur komuniti daripada segi konsep ialah pelbagai jenis kemudahan awam dan sistem sokongan sosial yang disediakan untuk orang ramai (Bell dan Valentine 1995). Terdapat dua jenis infrastruktur komuniti iaitu infrastruktur komuniti bersifat lokal dan infrastruktur komuniti bersifat global. Kawasan perumahan, kemudahan pengangkutan, kemudahan pendidikan, kemudahan komunikasi, kompleks beli belah, sehinggalah kepada bar, kelab malam, kafe siber, sauna, farmasi, spa dan salun kecantikan yang disediakan untuk kemudahan orang ramai adalah merupakan infrastruktur komuniti jenis lokal dan dibina untuk kemudahan masyarakat setempat. Manakala kumpulan sokongan sosial merupakan infrastruktur komuniti bersifat global kerana keanggotaan bagi kumpulan tersebut terdiri daripada masyarakat dari seluruh dunia, dan sokongan yang diberikan adalah untuk warga dunia yang menganggotainya. Seperti yang akan dibincangkan dalam artikel ini, infrastruktur komuniti lokal dan global tersebut telah digunakan oleh golongan transeksual untuk mengukuhkan kedudukan dan identiti mereka dalam masyarakat.

Infrastruktur komuniti penting dikaji kerana ia telah menyediakan pelbagai kemudahan dan sokongan yang dapat membentuk dan mempengaruhi perilaku masyarakat, dalam kes ini, golongan transeksual. Ketersediaan infrastruktur komuniti tertentu dieksploitasi oleh golongan ini sebagai landasan untuk 'perjuangan senyap' mereka dalam memberi makna ruang dan menunjukkan identiti mereka di atas ruang. Terdapat dua pendekatan yang telah digunakan oleh ahli geografi dalam mengkaji hubungan infrastruktur komuniti dengan golongan transeksual, iaitu pendekatan tradisional dan pendekatan kontemporari. Pendekatan tradisional adalah dalam bentuk kajian taburan ruangan menggunakan peta, bagi memaparkan landskap, lokasi, dan aktiviti golongan ini (lihat Oswin, 2005; Brown dan Knopp, 2005). Kumpulan yang menggunakan pendekatan kontemporari akan melibatkan analisis kritikal terhadap makna diri dan identiti. Pendekatan sedemikian telah digunakan oleh ahli geografi feminis daripada disiplin geografi sosial dan budaya. Dalam kajian ini, penulis akan menggunakan pendekatan kontemporari bagi mengkaji infrastruktur komuniti dan hubungannya dengan golongan transeksual, iaitu dengan memfokus kepada bagaimana infrastruktur komuniti mempengaruhi perilaku golongan transeksual, tanggapan serta pemberian makna terhadap identiti diri mereka (Binnie dan Valentine, 1999), serta aspek pengukuhan identiti dan bentuk-bentuk 'perjuangan' untuk mendominasi ruang yang diinginkan (Bell dan Binnie, 2004).

Hubungan infrastruktur komuniti dengan golongan transeksual juga menghasilkan impak penting ke atas ruang dan pandang darat fizikal, sosial dan budaya. Percambahan bilangan infrastruktur komuniti yang digunakan oleh golongan ini dalam skala lokal dan global menggambarkan bertambahnya bilangan mereka yang mengakui transeksual. Hal ini membayangkan satu senario yang mengancam sistem nilai dan budaya tempatan. Sehubungan dengan itu, permasalahan dan persoalan yang ditimbulkan oleh kajian ini ialah, apakah bentuk-bentuk infrastruktur komuniti tersebut? Bagaimana ianya digunakan oleh golongan yang ingin memiliki gender yang berlawanan dengan gender yang dimiliki sejak lahir? Bagaimana infrastruktur komuniti dapat mempengaruhi perilaku transeksual dalam memberi makna dan identiti diri mereka di atas ruang? Oleh itu, kajian infrastruktur komuniti dan hubungannya dengan golongan transeksual adalah penting dikaji bagi memahami senario sosial semasa berkaitan transeksual, dan kesannya kepada budaya dan masyarakat.

Transeksual ialah satu keadaan di mana seseorang cenderung mengenalpasti diri mereka dengan gender yang tidak konsisten dengan jantina biologi mereka, dan biasanya mereka akan melakukan beberapa usaha perubatan untuk menukar keadaan fizikal mereka supaya menyerupai jantina berlawanan. Menurut beberapa pengkaji, golongan transeksual mengalami kecelaruan gender iaitu merasai dirinya terperangkap dalam tubuh yang salah, di mana mereka berkeinginan untuk memiliki jantina yang berlawanan dari yang ditentukan kepada mereka sejak lahir (Ismail Tambi, 2007; Hamdan Abd. Kadir, 2007; Teh, 2001; Benjamin, 1999; Ekins dan King, 1997; Wan Azmi Ramli, 1991). Kecelaruan gender yang dialami oleh mereka, terutama di kalangan lelaki, menjadi isu yang sering diperkatakan dalam perbincangan umum dan kajian akademik di Malaysia lantaran kewujudan mereka yang semakin menonjol pada hari ini (lihat umpamanya tulisan Hafizahril Hamid 2010; Hamdan Abdul Kadir et al., 2007; Zuhizzam, 2005; Teh, 2002, 2001).

Fenomena transeksualisme telah dikesan dalam ketamadunan di seluruh dunia termasuklah di Malaysia sejak lama dahulu, dengan pelbagai gelaran tempatan diberikan kepada golongan ini. Kepesatan globalisasi budaya ekoran kemajuan dalam sistem teknologi komunikasi kini menjadi penyumbang kepada sebaran budaya ini (lihat Suriati Ghazali, Azilah Mohamad Nor dan Jabil Mapijabil, Narimah Samat dan Jas Laile Suzana Jaafar, 2010). Di samping itu, persekitaran yang mempunyai infrastruktur komuniti serta sistem sokongan sosial baik, telah menjadi penyumbang kepada pengukuhan identiti golongan ini (Nash, 2005; Ringo, 2002; Teh, 2002, 2001; Binnie dan Valentine, 1999; Bell dan Valentine, 1995; Nanda, 1999; Grimaldi dan Jacobs, 1996). Kini masyarakat di Malaysia seperti semakin 'menerima' fenomena transeksualisme, dan gaya hidup transeksual semakin menjadi kelaziman kepada masyarakat. Di universiti, kecelaruan pelajar lelaki yang ingin berpenampilan seperti wanita kerap diperkatakan, dan fenomena ini seperti mendapat sambutan dalam kalangan pelajar lelaki universiti. Walaupun tiada pengiktirafan diberikan oleh masyarakat, agama dan undang-undang terhadap golongan ini (lihat umpamanya dalam Zulkifli al-Bakri, 2007; Teh, 2002, 2001; Wan Azmi Ramli, 1991), namun landskap seharian menunjukkan identiti pelajar lelaki transeksual semakin kukuh dengan keberanian mereka berpenampilan silang (*cross dress*) baik di dalam universiti mahupun ketika berhadapan dengan masyarakat umum.

Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengkaji bentuk-bentuk infrastruktur komuniti di institusi pengajian tinggi di Malaysia yang membantu membina dan mengukuhkan identiti golongan ini. Kedua-dua bentuk infrastruktur komuniti - jenis lokal dan global - akan dikenalpasti. Kajian ini juga akan membincangkan bagaimana infrastruktur komuniti tersebut membantu golongan ini memberi makna baru kepada identiti mereka dan menzahirkan identiti tersebut dalam

ruang, seterusnya mengukuhkan identiti serta 'menunjukkan kuasa' golongan ini dalam masyarakat.

Rangka kerja konseptual dan penemuan empirikal

Kajian geografi terhadap kumpulan gay, lesbian dan transeksual mencadangkan satu rangka kerja konseptual tentang hubungan kompleks dan berulang antara pembentukan identiti dengan landskap material dan imaginasi (Nash, 2005). Rangka kerja konsep ini diasaskan daripada rangka kerja feminis pasca-strukturalis, yang mencadangkan satu kerangka untuk menerokai hubungan di antara perjuangan aktivis gay terhadap identiti, penggunaan mereka ke atas daerah gay, dan perubahan sejarah, sosial dan politik dalam pergerakan ideologi dan strategi gay. Rangka konsep ini menyatakan bahawa kategori identiti lesbian dan gay adalah spesifik secara budaya dan sejarah, namun satu kitaran perbahasan yang berterusan berlaku terhadap makna yang menentukan hubungan sosial mereka (Rose, 1993). Menurut geografi feminis, kategori sosial tentang identiti yang mengstrukturkan organisasi dan hubungan sosial kumpulan ini adalah tidak ditetapkan dan bukan semulajadi, sebaliknya ia adalah hasil ruang pengeluaran sosial yang mengandaikan bahawa sesuatu yang ada dalam persekitaran yang terbina (*built environment*) adalah ditentukan oleh peraturan-peraturan yang menentukan siapa yang sepatutnya menggunakan ruang tertentu dan siapa yang sepatutnya dikeluarkan dari ruang tersebut (McDowell, 1999, Nash, 2005). Perbahasan ahli geografi tentang kewujudan golongan transeksual yang berakar-umbi dari *built environment* ialah tentang cara ruang bandar distrukturkan, di mana ia mempunyai peranan simbolik dalam menyusun, mengekalkan dan mengorganisasi hubungan sosial, dan dalam menyatakan jangkaan sosial tentang tingkahlaku dan aktiviti yang sepatutnya berlaku di ruang tersebut (Keith and Pile, 1993; Cresswell, 1996; McDowell, 1999). Namun begitu identiti dan ruang adalah sesuatu yang sentiasa diperjuangkan dan diberi makna baru, umpamanya apabila kumpulan tertentu seperti pergerakan pembebasan gay memperjuangkan cara bagaimana makna baru harus diberi ke atas ruang (Cresswell 1996). Mengikut konsep berkaitan identiti seks sejenis dan ruang, identiti homoseksual dikonsepsikan sebagai hasil daripada perjuangan terhadap makna yang diberikan ke atas aktiviti sama jenis di atas ruang. Ruang aktiviti sama jenis adalah satu proses sosial dan politik dalam mengkonsitusikan identiti, dan ruang ini mendapat makna baru sebagai sebahagian daripada perjuangan berterusan terhadap identiti homoseksual (Bell dan Valentine, 1995; Nash, 2005). Infrastruktur komuniti dalam ruang bandar yang digunakan oleh mereka untuk aktiviti sama jenis dilihat sebagai satu bentuk perjuangan dalam mendapatkan ruang mengikut makna baru, iaitu ruang gay.

Beberapa kajian di Barat menunjukkan infrastruktur komuniti telah digunakan oleh golongan transeksual untuk mengukuhkan identiti transeksual mereka. Kajian-kajian oleh Castells (1983), Kramer (1995), Binnie dan Valentine (1999), Sibalis (2004) dan Nash (2005) umpamanya telah memaparkan bagaimana infrastruktur komuniti jenis lokal telah menyokong aktiviti golongan transeksual di bandar-bandar di Amerika Syarikat dan Eropah. Di antara infrastruktur komuniti tersebut ialah bar, restoran, sauna, tandas, dan kelab malam, yang dijadikan sebagai tempat pertemuan sesama mereka. Mereka bebas mengunjungi dan beraktiviti bersama di tempat-tempat tersebut dan menjadikan ruang-ruang tersebut sebagai ruang awam (*public space*) mereka. Dominasi dan 'perjuangan' mereka untuk mendapatkan kemudahan khusus bagi membina dan mengukuhkan identiti gender menyebabkan pelbagai kemudahan khusus seperti bar, kelab malam, sauna, dan premis-premis menjual majalah dan buku diadakan khas untuk kumpulan ini.

Castells (1983) umpamanya mendapati infrastruktur komuniti seperti bar, restoren, sauna dan tandas di San Francisco, Amerika Syarikat telah digunakan oleh kumpulan gay dengan bebas untuk menunjukkan kehadiran mereka di atas ruang. Terdapat perbezaan dalam penggunaan infrastruktur komuniti di antara gay dan lesbian, di mana golongan gay lebih bebas mengunjungi dan menggunakan infrastruktur komuniti tersebut berbanding lesbian. Hal ini memperlihatkan infrastruktur komuniti di bandar tersebut lebih menyokong kewujudan golongan gay berbanding lesbian, yang bermakna identiti kumpulan gay lebih kukuh daripada lesbian. Kajian Nash (2005) turut menemukan yang sama. Nash (2005) mendapati di pinggir bandar Toronto, Amerika Syarikat, golongan homoseksual sangat dominan sehingga menubuhkan 'Toronto Gay Village'. Terdapat pelbagai infrastruktur komuniti yang dibina khas untuk mereka di sini seperti bar, sauna dan tandas. Kumpulan ini sering bertemu di perkampungan ini dan melakukan pelbagai aktiviti bersama serta tidak merasa janggal sekiranya dianggap sebagai golongan homoseksual oleh masyarakat umum. Toronto Gay Village telah menjadi medan perjuangan untuk mereka membina dan mengukuhkan identiti homoseksual.

Kajian Binnie dan Valentine (1999) dan Kramer (1995) menunjukkan golongan homoseksual telah menggunakan infrastruktur komuniti di bandar seperti kelab malam, bar, premis menjual buku dan majalah, restoren dan sauna secara bebas untuk menjalankan aktiviti seharian dan menonjolkan identiti mereka. Tujuan mereka adalah untuk menguasai ruang tersebut dan menyisihkan golongan bukan homoseksual dari tempat tersebut. Di luar bandar pula, kekurangan infrastruktur komuniti menyebabkan golongan homoseksual di luar bandar tidak dapat menonjolkan identiti mereka di tempat awam. Hal ini jelas menunjukkan hubungan infrastruktur komuniti dengan golongan ini, di mana infrastruktur komuniti telah digunakan oleh mereka untuk membina dan mengukuhkan identiti di dalam masyarakat. Manakala Sibalis (2004) membincangkan cara ruang *gay ghettos* di Marais, Paris, terbentuk dan faktor yang mewujudkan ruang tersebut. Didapati golongan ini telah mewujudkan pusat komersial yang menyediakan banyak kemudahan dan keperluan bagi golongan tersebut, sama ada dari Marais atau dari kawasan sekitar. Ini menyebabkan gay dari tempat lain datang ke Marais untuk mendapatkan kemudahan tersebut.

Kajian-kajian di atas juga mendapati golongan ini lebih 'berkuasa' dan menonjol kehadirannya di ruang bandar berbanding di luar bandar. Hal ini kerana kawasan luar bandar tidak mempunyai kemudahan komuniti khusus untuk menyokong aktiviti golongan ini (Binnie dan Valentine, 1999; Kramer, 1995).

Kumpulan sokongan sosial *Transgender Support Group* merupakan infrastruktur komuniti jenis global yang menyokong pembinaan identiti transeksual. Kumpulan ini yg dianggotai oleh mereka daripada pelbagai negara menyediakan perkhidmatan kesihatan dan sokongan moral terhadap pesakit HIV/AIDS dari kalangan transeksual, dengan tujuan untuk mengurangkan rasa terasing dan tersisih yang dihadapi oleh pesakit (Grimaldi dan Jacobs, 1996). Sokongan sosial seperti ini memberi peluang kepada golongan transeksual untuk berhadapan dengan keluarga dan masyarakat sekitar mereka. Di India, golongan ini yang dikenali sebagai *hijra* diiktiraf sebagai gender ketiga oleh sebilangan masyarakat (Nanda, 1999). Golongan ini mempunyai kedudukan yang istimewa sehingga mereka dianggap sebagai Dewi dan 'wanita' yang sangat disayangi oleh masyarakat. Kebanyakan daripada mereka terlibat dengan pelbagai upacara keagamaan dalam majlis perkahwinan dan menyambut kelahiran bayi. Mereka juga juga dianggap mempunyai persamaan setaraf dengan golongan pertengahan, dan mereka mempunyai kuil untuk menjalankan upacara

ritual mereka sendiri. Golongan ini juga bebas menjalankan aktiviti harian sebagai wanita, berpakaian wanita, dan mempunyai teman lelaki yang dianggap sebagai pasangan hidup yang tinggal serumah. Mereka juga tidak didiskriminasi atau dipandang serong oleh masyarakat sekitar (Nanda, 1999). Keadaan ini merupakan satu bentuk sokongan sosial bagi mereka mengekalkan identiti transeksual dalam masyarakat.

Di Malaysia, kajian Teh (2001, 2002) mendapati golongan ini sering berhadapan dengan masalah kewangan yang serius dan kesukaran mendapatkan pekerjaan di sektor-sektor awam dan swasta akibat 'kelainan' mereka. Hal ini menyebabkan mereka mendapatkan pekerjaan yang 'tidak baik' di mata masyarakat, seperti di kelab-kelab malam dan terlibat dalam aktiviti pelacuran. Pelbagai bentuk sokongan daripada jabatan kerajaan atau badan bukan kerajaan bagi mengatasi kemelut kewangan yang dihadapi mereka. Antaranya, melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, pihak kerajaan menyalurkan bantuan dalam pelbagai bentuk kepada semua golongan masyarakat yang memerlukan bantuan, termasuk kumpulan ini. Mereka yang ingin keluar daripada pekerjaan mereka dan ingin memulakan perniagaan boleh memohon geran pelancaran perniagaan sebanyak RM2000.00. Selain itu, geran projek masyarakat sebanyak RM 20,000.00 diberikan kepada kumpulan seramai sepuluh orang. Tujuan bantuan ini ialah untuk meningkatkan kualiti hidup komuniti sasar melalui penglibatan proaktif dalam aktiviti sosial dan ekonomi (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2010). Bantuan ini dikatakan tidak mengecualikan golongan transeksual, dengan hasrat membantu kumpulan ini kembali ke pangkuan masyarakat. Namun setakat mana golongan ini dibantu masih lagi dipersoalkan (lihat Berita Harian Online, 10.4.2010; New Straits Times, 6.5.2010).

Selain itu, badan bukan kerajaan (NGO) iaitu Yayasan Pink Triangle (PT Foundation) yang dianggotai oleh kumpulan dari pelbagai negara menyediakan satu bentuk sokongan sosial kepada golongan ini. Pada tahun 1992 Yayasan ini telah mengadakan 'Program Mak Nyah' yang bertujuan untuk memberi penjagaan dan sokongan moral kepada golongan ini, tanpa mengira sama ada mereka menghidap AIDS ataupun tidak. Sebagai contoh, yayasan ini menyediakan maklumat dan kemudahan perubatan serta menyediakan pusat perlindungan sementara kepada mereka yang ingin keluar daripada kemelut kehidupan sekarang. Di samping itu Yayasan ini juga berperanan mendidik masyarakat umum agar menghormati hak asasi golongan ini (Yayasan Pink Triangle, 2009). Ini merupakan satu bentuk sokongan sosial yang membina dan mengukuhkan identiti transeksual di Malaysia.

Pink Triangle juga turut mengadakan pelbagai aktiviti untuk golongan ini seperti Malam Pertandingan Ratu Cantik dan Malam Aidilfitri yang disertai oleh golongan transeksual sahaja. Aktiviti ini merupakan satu bentuk sokongan sosial ke arah membina dan meneguhkan identiti transeksual dalam ruang masyarakat. Ia menjadi satu tarikan kepada remaja lelaki untuk mempopularkan budaya transeksual dengan tanggapan masyarakat telah mula menerima mereka tanpa diskriminasi dan cemuhan (lihat juga Teh, 2002).

Manakala kajian Wan Azmi Ramli (1991) turut memaparkan beberapa bentuk sokongan sosial kepada golongan ini. Antaranya melalui penubuhan Persatuan Mak Nyah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur pada tahun 1986 yang dinaungi oleh Menteri Kebajikan Masyarakat Malaysia pada ketika itu. Ia bertujuan menggalakkan ahli-ahlinya mengambil bahagian dalam bidang sukan dan kebajikan, agama, pelajaran serta kebudayaan supaya menimbulkan persefahaman serta meluaskan pengetahuan dan pergaulan mereka. Di samping itu ia bertujuan membantu ahli-ahlinya untuk

mengurangkan bebanan masalah yang timbul, seperti bebanan dalam diskriminasi sosial dan ekonomi, dan juga menawarkan pertolongan yang munasabah. Persatuan ini juga turut mengadakan kerjasama dengan agensi kerajaan dan swasta dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan golongan ini. Penubuhan persatuan seperti ini merupakan satu bentuk sokongan sosial yang mengukuhkan identiti golongan ini di mata masyarakat.

Media massa merupakan infrastruktur komuniti global yang penting kepada pembinaan dan penguatan identiti golongan ini di ruang sosial. Menurut Ringo (2002) media massa menjadi '*actualizing agent*' dan menjual budaya ini kepada masyarakat umum di seluruh dunia. Seorang ahli psikologi, King (1993) telah mengkaji peranan media massa seperti televisyen, radio, video, serta surat khabar, novel, dokumentari dan biografi dalam 'menjual' atau mempromosikan budaya dan maklumat tentang komuniti ini kepada masyarakat secara global. Filem dan drama masyarakat yang memaparkan kehidupan golongan ini dan sering tersiar di media elektronik serta ditonton oleh masyarakat umum. Lama kelamaan masyarakat semakin menerima fenomena ini. Kesannya identiti transeksual semakin kukuh di dalam masyarakat.

Beberapa pengkaji tempatan turut berpendapat sikap masyarakat moden pada hari ini yang menerima kehadiran mereka turut merupakan satu bentuk sokongan sosial yang mengukuhkan kedudukan mereka. Dikatakan masyarakat hari ini bukan sahaja seperti menghalalkan percambahan golongan ini, tetapi juga seperti menggalakkannya untuk diterima dan diperakui sebagai sebahagian daripada masyarakat, berdasarkan prinsip toleransi dan kebebasan hak asasi individu. Sebelum ini, golongan ini membendung keinginan mereka untuk berpenampilan seperti wanita kerana ketiadaan restu dan galakan daripada masyarakat. Masyarakat tradisional yang kukuh dengan jati diri dan komitmen agama yang tinggi menghalang mereka daripada menzahirkan minat mereka kepada khalayak umum. Namun begitu, sikap masyarakat hari ini yang lebih berdiam diri, malah membantu memperjuangkan hak mereka menyebabkan identiti diri mereka semakin kukuh dan mereka semakin tidak kekok berpenampilan wanita dalam menjalankan aktiviti seharian. Pengkaji tempatan berpendapat keadaan ini seolah-olah menjadi satu trend baru yang menyongsang daripada asal usul manusia yang hakiki. Meskipun ada yang menilai golongan ini secara positif, tetapi dominasi pemikiran liberal berkenaan hal ini tidak didokong oleh landasan agama (Wan Azmi Ramli, 1991 dan Zulhizzam, 2005).

Selain itu, individu gay dan lesbian yang diangkat sebagai pemimpin negara di beberapa buah negara Barat merupakan salah satu bentuk sokongan sosial kepada komuniti ini dalam memperkukuhkan kedudukan mereka. Hal ini dapat dilihat dengan pelantikan Johanna Sigurdardottir sebagai perdana menteri pertama di dunia daripada golongan lesbian. Beliau dilantik sebagai Perdana Menteri Iceland pada Februari tahun 2009 (The New York Times, 2009). Selain itu, Datuk Bandar Paris, Bertrand Delanoë juga dikatakan sebagai pemimpin gay yang berpengaruh dan disenaraipendek untuk gelaran *2008 World Mayor Award* (CityMayors, 2008). Manakala Penny Wong, Menteri Perubahan Iklim dan Air dari Parti Buruh Australia juga merupakan seorang lesbian secara terbuka dan ahli lesbian pertama dalam kabinet Komanwel Australia. Selain itu, Harvey Bernard Milk adalah ahli politik Amerika yang pertama dari kalangan gay yang dipilih memegang jawatan *San Francisco Board of Supervisors* (Hafizahril Hamid, 2010). Penglibatan ahli politik dari kalangan transeksual dan penerimaan masyarakat terhadap mereka menjadi satu bentuk sokongan sosial kepada komuniti ini untuk terus mengukuhkan identiti mereka di dalam masyarakat.

Dalam kes kajian penulis, penguasaan kumpulan transeksual ke atas infrastruktur komuniti dalam ruang bandar cuba dilihat sebagai satu 'perjuangan senyap' kumpulan ini terhadap makna dan identiti diri mereka dan hubungan sosial mereka di dalam ruang. Penyediaan infrastruktur komuniti di bandar merupakan sokongan kepada mereka dan secara tidak langsung menyebabkan mereka berani menzahirkan keinginan untuk menjadi wanita dan menggunakan infrastruktur komuniti untuk beraktiviti sesama mereka tanpa rasa kekok.

Metodologi kajian

Rekabentuk kajian kualitatif telah digunakan bagi mendapatkan pemahaman mendalam tentang tingkahlaku transeksual dan penggunaan infrastruktur komuniti. Instrumen pengumpulan data yang digunakan ialah pemerhatian langsung dan pemerhatian ikut serta, soalselidik terbuka, temubual mendalam, temubual kumpulan (*focus group*), perbincangan menerusi forum di internet, serta penulisan diari yang telah dijalankan ke atas sebilangan kecil sampel, iaitu 60 orang pelajar lelaki di dua buah universiti (30 orang setiap sebuah), sepanjang tiga tahun kajian ini (2006-2009).

Universiti Sains Malaysia (USM) Pulau Pinang dan Universiti Utara Malaysia (UUM), Kedah telah dipilih sebagai tempat kajian berdasarkan pemerhatian langsung penulis tentang kewujudan fenomena lelaki transeksual di universiti tersebut. Penulis menggunakan teknik persampelan *purposive* dan *snowball* bagi mendapatkan responden. Kaedah persampelan *snowball* adalah cara paling sesuai untuk mendapatkan sampel yang tidak diketahui bilangan sebenar (Bernard, 2000) sepertimana golongan transeksual manakala kaedah persampelan *purposive* membolehkan pemilihan responden dibuat kepada mereka yang menepati keperluan kajian sahaja, iaitu pelajar lelaki transeksual. Empat orang *key informant* yang terdiri daripada pelajar lelaki transeksual telah dikenalpasti semasa pemerhatian langsung. Satu sesi temubual mendalam dan temubual kumpulan telah dilakukan bersama mereka berkaitan aspek makna dan identiti yang diberi ke atas diri mereka dan bagaimana ianya memberi pengaruh kepada penggunaan infrastruktur komuniti di kawasan sekitar. Hasilnya satu soalselidik terbuka digubal dan soalan-soalan untuk temubual mendalam disenaraikan. Seterusnya, melalui teknik persampelan *snowball*, key informan memperkenalkan penulis kepada pelajar transeksual lain untuk menjadi responden. Responden tersebut memperkenalkan pula kepada rakan transeksual mereka yang lain, sehingga penulis berjaya memperoleh 30 orang responden daripada USM dan UUM melalui cara ini. Kesemua responden ditemui telah mengisi soalselidik terbuka, ditemubual secara mendalam, berbincang di laman forum seperti *myspace*, *friendster* serta menulis diari aktiviti mereka untuk kajian ini. Penulis juga telah mengadakan pemerhatian ikut serta dengan mengikut aktiviti responden di pusat beli belah, di salon kecantikan dan farmasi. Maklumat kualitatif yang kaya dan mendalam telah diperolehi melalui teknik persampelan tersebut. Walaupun teknik persampelan bukan rawak ini mempunyai tahap kebolehpercayaan luaran yang rendah (*low external validity*), namun apabila disokong oleh data kualitatif hasil kajian mendalam, data kajian ini adalah tinggi tahap kebolehpercayaannya. (Bernard, 2000, Robinson, 1998; Suriati dan Colonius, 2008).

Seterusnya, pemilihan dan pengkategorian data kualitatif dilakukan secara analisis kandungan berdasarkan aspek yang dapat dicungkil daripada responden. Jawapan kepada isu-isu yang ingin dianalisis telah dikategorikan. Dialog-dialog dan nota-nota diinterpretasi dan seterusnya kaedah naratif digunakan di mana perlu untuk menyokong penemuan kajian.

Di samping itu, pemerhatian secara berkala turut dijalankan ke atas beberapa infrastruktur komuniti yang sering digunakan oleh golongan ini di sekitar kawasan kajian. Antaranya ialah farmasi, salun kecantikan, siber kafe dan pusat membeli-belah. Ke kerapannya golongan ini mengunjungi tempat-tempat tersebut dicatat di dalam jadual yang telah disediakan terlebih dahulu. Melalui cara ini penulis dapat mengenalpasti infrastruktur komuniti yang sering digunakan oleh mereka.

Dapatan kajian dan perbincangan

Peranan infrastruktur komuniti dalam membina dan mengukuhkan identiti pelajar lelaki transeksual di USM dan UUM

Jadual 1 menunjukkan senarai infrastruktur komuniti berbentuk lokal yang terdapat di kawasan sekitar universiti yang dijangka akan mempengaruhi dan memberi sokongan kepada responden untuk membina identiti dan mengukuhkan gaya hidup transeksual seperti berdandan dan berpakaian seperti wanita. Jawapan 'Benar' bermaksud responden bersetuju infrastruktur komuniti tersebut membantu mereka untuk berpenampilan sebagai wanita, manakala jawapan 'Tidak' bermaksud responden tidak bersetuju kemudahan komuniti tersebut membantu mereka bergaya sebagai wanita.

Hasil penyelidikan mendapati responden daripada kedua-dua universiti berpendapat infrastruktur komuniti seperti pusat beli-belah, panggung wayang, farmasi, kafe siber, spa dan salun kecantikan, premis menjual buku dan majalah serta pusat karaoke di kawasan sekitar universiti telah membantu mereka membina identiti dan mengukuhkan gaya hidup transeksual untuk berpenampilan seperti wanita. Walaupun begitu masih terdapat perbezaan kecil dalam jenis infrastruktur komuniti yang paling berpengaruh mengikut lokasi universiti. Bagi responden USM, lebih separuh responden memberikan jawapan 'Benar' bagi kesemua infrastruktur komuniti yang disenaraikan. Letakan universiti ini di Pulau Pinang yang pesat membangun sebagai kawasan bandar terbesar di wilayah utara Semenanjung Malaysia (Malaysia, 2001) mempengaruhi kecenderungan jawapan ini. Kafe siber, kompleks beli belah, farmasi dan premis menjual buku dan majalah menduduki senarai 'Benar' terbanyak, masing-masing 29, 28, 25 dan 24 daripada 30 responden USM. Lebih separuh responden UUM juga menyenaraikan 'Benar' bagi kafe siber, premis menjual buku dan majalah, farmasi dan salun kecantikan, namun jumlahnya adalah lebih kecil iaitu masing-masing 25, 21, 16 dan 15 orang sahaja (Jadual 1). Adalah menarik apabila dibandingkan pandangan responden kedua-dua universiti terhadap peranan pusat beli-belah dalam membantu mereka bergaya transeksual, di mana hanya 13 daripada 30 responden UUM bersetuju

Jadual 1 : Senarai Infrastruktur Komuniti dan Pandangan Responden tentang Benar atau Tidak Infrastruktur Komuniti ini Membantu Responden untuk Berpenampilan Sebagai Wanita

Benar, infrastruktur komuniti ini membantu saya berpenampilan transeksual Tidak, infrastruktur komuniti ini tidak membantu saya berpenampilan transeksual

Kemudahan	USM				UUM			
	Benar	Tidak	Tiada jawapan	Jumlah	Benar	Tidak	Tiada jawapan	Jumlah
Kompleks membeli-belah	28	2	0	30	13	11	6	30
Panggung wayang	20	10	0	30	14	16	0	30
Farmasi	25	5	0	30	16	12	2	30
Kafe siber	29	1	0	30	25	3	2	30
Spa dan salun kecantikan	18	9	1	30	15	15	0	30
Premis menjual buku dan majalah	24	6	0	30	21	8	1	30
Taman rekreasi	18	12	0	30	11	18	1	30
Pusat karaoke	18	12	0	30	13	17	0	30
Pusat hiburan	15	15	0	30	7	23	0	30
Jumlah responden	USM = 30				UUM = 30			

Sumber: Kajian Penulis Melalui Soal Selidik, 2007-2008

pusat beli-belah membantu mereka berpenampilan transeksual berbanding 28 daripada 30 orang responden USM. Kedudukan UUM yang agak jauh daripada kawasan bandar utama (Alor Setar) menyebabkan kompleks beli belah dianggap tidak begitu membantu mereka untuk berpenampilan wanita. Namun kafe siber dan premis menjual buku dan majalah yang banyak terdapat di sekitar universiti dikatakan agak penting dalam membantu mereka untuk berpenampilan seperti wanita. Dapatan ini telah menyokong penemuan Nash (2005), Bell dan Valentine (1995) dan Binnie dan Valentine (1999) dan beberapa pengkaji lain yang mengatakan infrastruktur komuniti yang terdapat dalam persekitaran bandar sangat menyokong komuniti ini membina identiti, mengukuhkan gaya hidup serta menzahirkan identiti transeksual mereka dalam ruang tanpa sebarang masalah. Setelah menjalankan pemerhatian di kafe siber dan kompleks beli belah yang disebutkan oleh responden, penulis bersetuju bahawa kedua-dua tempat ini memang menjadi tempat kumpulan ini bertemu dan melakukan aktiviti bersama tanpa rasa kekok. Di kafe siber mereka sering bersama-sama melayari internet untuk mendapatkan maklumat tentang fesyen dan kecantikan, atau ber*chatting* dengan rakan-rakan senaluri. Manakala di kompleks membeli-belah mereka sering berjalan berkumpulan sesama mereka sama ada untuk sekadar '*window shopping*' ataupun untuk membeli pakaian wanita, alat solek dan pelbagai alatan tatarias di premis-premis yang ada di kompleks tersebut. Selain itu, mereka juga sering ke farmasi untuk membeli pelbagai jenis pil dan vitamin bagi menjaga kecantikan, manakala kunjungan mereka ke premis buku dan majalah juga berkaitan dengan keinginan untuk mendapat maklumat dan panduan mengenai kecantikan dan tatarias wajah. Ternyata tempat-tempat ini telah 'menawarkan' ruang yang selesa untuk mereka bertemu dan beraktiviti bersama, seterusnya membina dan mengukuhkan identiti

diri dan keyakinan mereka untuk tampil sebagai ‘wanita’ di dalam masyarakat. Hal ini seterusnya membawa kepada penguasaan mereka ke atas ruang-ruang tersebut.

Jadual 2 memaparkan pandangan responden tentang peranan infrastruktur komuniti tersebut dalam membina dan mengukuhkan identiti transeksual mereka sehingga mereka berani menunjukkan identiti mereka di khalayak ramai. Kalimat sebenar responden digunakan dengan cara memetik kata-kata atau catitan responden yang diperolehi semasa kajian lapangan.

**Jadual 2 : Pandangan Responden Tentang Peranan Infrastruktur Komuniti
Dalam Pembinaan Identiti Transeksual Mereka**

Responden	Pandangan tentang hubungan infrastruktur komuniti di sekitar kampus terhadap pembinaan identiti transeksual responden
Pandangan Responden A (USM) terhadap peranan kompleks membeli belah (hasil perbualan bersemuka)	Saya sukakan dunia fesyen dan selalu mengikuti perkembangan fesyen terkini. Kalau saya tidak mampu membeli pakaian tersebut, saya akan buat <i>mix & match</i> agar sama dengan aliran fesyen terkini. Di sini (Pulau Pinang) banyak kompleks beli belah yang menjual pakaian pelbagai fesyen dengan harga berpatutan. Selalunya saya <i>shopping</i> di Kompleks Bukit Jambul, Gurney Plaza, Queensbay Mall, Prangin Mall, dan tak kurang juga di pasar-pasar malam. Semuanya cantik-cantik dan <i>up-to-date</i>
Pandangan Responden B (UUM) terhadap peranan internet dan kafe siber (hasil perbualan bersemuka)	Mak[1] (saya) suka sangat ke kafe siber melayari internet. Dalam sehari mak mesti online selama 3 atau 4 jam. Selalunya mak cari maklumat tentang kecantikan dan fesyen terkini, untuk pastikan mak dapat tiru supaya sentiasa kelihatan <i>vogue</i> . Mak juga selalu melayari www.gayboy.com.my , MySpace, Youtube, Friendster dan Facebook. Banyak tips dari laman tersebut yang membantu mak untuk berpenampilan cantik. Mak juga <i>chatting</i> dengan golongan satu spesies dengan mak sahaja (transeksual). Mereka terdiri dari rakan luar dan dalam negara. Kami bertanya khabar, kongsi maklumat, atau menyebarkan maklumat tentang aktiviti yang boleh disertai bersama. Antaranya kami dapat tahu bila pertandingan ratu cantik MakNyah akan diadakan daripada rakan siber. Dari sini dapatlah kami berbincang untuk menghidirinya bersama-sama.

[1] Responden yang sudah mesra dengan penulis membahaskan diri mereka ‘mak’, bermaksud ‘saya’. Mak ialah singkatan kepada ‘Mak Nyah’, satu tanda pengiktirafan kepada diri mereka sendiri sebagai transeksual.

Pandangan Responden C (USM) terhadap peranan majalah dan akhbar (hasil perbualan bersemuka)	Mak suka sangat baca majalah. Di kampung mak dulu susah nak dapatkan majalah terkini. Tapi di Pulau Pinang, semua jenis majalah ada. Oleh kerana mak sekarang berada dalam persekitaran bandar raya, jadi mak perlu mengubah imej mak, biar jadi lebih <i>vogue</i> (berfesyen). Untuk berpenampilan lebih <i>woman</i> mak merujuk majalah Remaja, Nona, Keluarga, Glam, Cleo dan Women Weekly. Dalam majalah tu mak suka tengok cara <i>make-up</i> , petua kecantikan dan paling penting tips nak dapat tubuh yang <i>vogue</i> seperti seorang wanita. Semua majalah ni banyak dijual di kedai sekitar USM. Mak juga suka memasak, jadi mak juga beli majalah Saji kerana banyak resepi yang bagus-bagus di dalamnya.
Pandangan Responden D (USM) terhadap peranan drama dan filem (catitan dalam diari)	Aku memang suka menonton filem dan drama yang menggambarkan kehidupan dengan golongan yang sama seperti aku. Umpamanya filem <i>Waris Jari Hantu</i> . Hari ini aku dan kawan-kawan tengok lagi tayangan percuma filem ini di Queensbay. Cerita itu sangat bagus dan sangat menyedihkan. Kami semua menitikkan airmata sebab cerita itu memaparkan perjalanan hidup orang lembut macam kami. Semasa di kampung watak dalam cerita itu selalu dimarahi keluarga dan masyarakat yang tidak menyokongnya berpenampilan wanita. Setelah berhijrah ke Kuala Lumpur barulah dia gembira kerana terdapat rakan yang memahami dia. Mereka sering bersama ke kelab, salun dan <i>shopping</i> , sehingga akhirnya watak itu membuat keputusan melakukan pembedahan jantina.
Pandangan Responden E (USM) terhadap peranan farmasi (catitan dalam borang soal selidik)	Saya ada mengambil pil hormon iaitu pil perancang keluarga berjenama Marvellon. Saya beli di farmasi berhampiran USM dengan harga RM10.40. Saya ambil pil Marvellon untuk cantik. Saya mengamalkan pil tersebut selama empat bulan dan saya dapati kesannya memang menakjubkan. Jerawat di muka saya mulai hilang, kulit saya semakin halus dan cantik, dan bentuk badan saya mula kelihatan seperti wanita.
Pandangan Responden F (USM) terhadap peranan salun kecantikan (hasil perbualan bersemuka)	Faktor persekitaran kat USM ni sangat membantu mak nak berpenampilan wanita. Mak akan buat rawatan wajah, <i>makeup</i> , potong rambut, buat teknik <i>rebonding</i> , atau mewarna rambut di salun berdekatan. Salun tu milik pondan dan para pekerjanya pun pondan juga. Harganya berpatutan, senang nak berurusan, perkhidmatan mereka baik dan memahami kehendak mak. Maklum sajalah kami sama senaluri.

Pandangan Responden G (USM) terhadap peranan sauna (hasil catitan diari)	Malam ini aku dan Mey (rakan senaluri) <i>drag</i> [2] dengan pakaian paling <i>vogue</i> dan pergi melepak di Gurney Drive. Ramai lelaki kata kami cun (cantik). Ada juga yang berkenalan. Kemudian kami pergi mandi sauna danurut badan di pusat kecantikan di belakang Gurney Plaza. Aku sudah biasa mandi sauna di sini. Seharusnya tempat ini hanya untuk golongan nyah macam kami sahaja, dan ada pengawal mengawal di sini. Tapi ada juga lelaki biasa masuk ke sini. Aku hanya buat sauna dan urut badan sahaja, tidak lebih dari itu. Aku buat semua ini supaya aku sentiasa cantik, lembut dan nampak lebih <i>woman</i> .
Pandangan Responden H (USM) terhadap peranan pusat hiburan, kelab malam dan karaoke (catitan dalam borang soal selidik)	Selalunya bila malam minggu saya akan keluar bersama teman-teman. Masa tu kami akan kumpul duit sama-sama dan menyewa kereta untuk keluar berhibur. Kami pergi <i>clubbing</i> di XX Club, George Town[3]. Tak pun kami pergi karaoke di Relau[4]. Bila dah habis semua tu kami pergi melepak di Padang Kota dan Gurney Drive. Bila kami bersolek tebal dan berpakaian seksi kami akan kelihatan cantik pada waktu malam. Budak-budak lelaki pun ramai pandang, usik atau nak berkenalan dengan kami.
Pandangan Responden I (UUM) terhadap taman dan tempat awam (hasil perbualan bersemuka)	Mak dan kawan-kawan biasanya sewa kereta ramai-ramai keluar ke Alor Star atau Jitra untuk tengok wayang atau berkaraoke. Sambil-sambil tu kami mengurat lelaki. Kemudian kami ke taman dekat belakang Stadium Darulaman. Di situ seperti <i>port pondan</i> – ramai pelajar nyah yang dari institut dan politeknik lain datang ke sana. Kalau malam-malam bermacam-macam rupa kami semua berpenampilan.

Sumber : Kajian Penulis Melalui Temu Bual Mendalam Bersemuka, Borang Soal Selidik dan Catatan Diari, 2007-2008

Jadual 2 menunjukkan infrastruktur komuniti bersifat lokal di dalam dan sekitar kawasan universiti - seperti kafe siber, pusat membeli belah, farmasi, premis-premis menjual majalah dan surat khabar, spa dan salun serta kawasan taman dan rekreasi - telah digunakan dengan meluas

[2] '*Drag*' ialah bersolek tebal dan berpakaian seperti wanita.

[3] George Town, Padang Kota dan Gurney Drive letaknya kira-kira 8-10 kilometer dari USM.

[4] Relau jauhnya kira-kira 4 kilometer dari USM.

oleh golongan ini untuk membina dan mengukuhkan identiti mereka sebagai transeksual. Didapati responden sangat selesa berada di universiti mereka belajar kerana terdapat banyak infrastruktur komuniti yang membantu mereka merealisasikan hasrat untuk berpenampilan wanita. Keselesaan lebih jelas di kalangan responden daripada USM kerana kehampiran institusi pengajian ini dengan pelbagai infrastruktur komuniti seperti kompleks membeli belah, kafe siber, farmasi, premis menjual akhbar dan majalah, spa dan salun kecantikan serta pusat hiburan. Ternyata perkara utama yang dipentingkan oleh mereka ialah fesyen, kecantikan, hiburan dan lelaki. Tempat-tempat yang mereka kunjungi memenuhi apa yang mereka inginkan. Dengan itu, identiti diri mereka semakin terbina dan kedudukan mereka semakin kukuh di dalam masyarakat sehingga mereka tidak lagi merasa janggal dengan penampilan baru mereka. Implikasinya, mereka semakin mendominasi infrastruktur komuniti di ruang awam sehingga fenomena transeksual kelihatan semakin biasa di pusat membeli belah, kafe siber, pusat hiburan, salun dan sauna, dan di taman rekreasi.

Walaupun infrastruktur komuniti yang digunakan oleh pelajar kebanyakannya bersifat lokal iaitu yang dibina untuk kegunaan masyarakat setempat, namun ianya mempunyai implikasi global. Kemudahan internet dan kafe siber yang kerap dikunjungi responden untuk berkomunikasi dengan teman senaluri telah meluaskan interaksi mereka untuk saling mendapatkan sokongan sosial dalam skala global. Rakan sebang mereka di internet terdiri daripada golongan transeksual dari dalam dan luar negara. Oleh itu mereka telah menjadi ahli komuniti transeksual secara maya di mana mereka bebas bertukar-tukar idea dengan transeksual lain dari serata dunia.

Selain itu, terdapat responden mengikuti aktiviti Persatuan Mak Nyah dan sering menghadiri pertemuan sosial mereka semasa peraduan ratu cantik dan Malam Aidil Fitri. Maklumat tentang aktiviti kumpulan mereka disebarkan menerusi laman sosial seperti Facebook dan juga menerusi sistem pesanan ringkas di telefon bimbit masing-masing. Dengan itu dapatlah dikatakan infrastruktur komuniti yang menyokong pembinaan dan pengukuhan identiti pelajar transeksual lelaki ini adalah bersifat lokal dan juga global.

Implikasi kajian

Implikasi kepada teori

Kajian ini telah menyumbangkan kepada pengetahuan dan pemahaman tentang bagaimana fenomena transeksual di Malaysia semakin menular dan mempunyai trend yang sama dengan keadaan di Barat, yang mana sebahagian besarnya disumbangkan oleh infrastruktur komuniti yang menyokong keperluan mereka. Dari sudut implikasi kepada teori, penemuan kajian ini menyetujui perbincangan tentang peranan *built environment* dalam menyokong kewujudan dan perjuangan golongan transeksual. Infrastruktur komuniti dalam persekitaran terbina di kawasan bandar mempunyai peranan simbolik dalam menyusun dan mengorganisasikan hubungan sosial golongan ini serta menyatakan jangkaan sosial mereka tentang tingkahlaku dan aktiviti yang sepatutnya mereka lakukan dalam ruang tersebut. Infrastruktur komuniti di bandar telah memberi ruang kepada mereka untuk memberi identiti baru kepada diri mereka dan memperjuangkannya dengan cara menzahirkan gaya hidup transeksual mereka di atas ruang tersebut. Dengan itu kajian telah mengukuhkan rangka kerja konseptual tentang hubungan kompleks dan berulang antara pembentukan identiti dengan landskap material dan imaginasi seperti saranan Nash (2005). Kajian ini menunjukkan bagi kes golongan transeksual di Malaysia, pengukuhan identiti transeksualisme

adalah hasil ruang pengeluaran sosial yang berakar umbi dari *built environment*, di mana ianya telah memberi ruang kepada golongan ini untuk memberi imej dan makna baru kepada hubungan sosial mereka dan cara serta kebebasan menggunakan ruang tersebut.

Implikasi kepada pemantapan kaedah kajian

Kajian ini turut menyumbangkan kepada pemantapan kaedah kajian kualitatif yang merupakan kaedah paling sesuai digunakan untuk sesuatu kajian yang bersifat mendalam. Instrumen pengumpulan data yang pelbagai dan disesuaikan mengikut keadaan semasa dan sifat responden menghasilkan data yang sangat berkesan bagi memahami aspek yang dikaji. Kaedah pemerhatian langsung dan pemerhatian ikut serta, soalselidik terbuka, temubual mendalam, perbincangan dalam ruang sembang dan forum di internet serta penulisan diari membolehkan pelbagai maklumat dikumpulkan mengikut keselesaan responden. Penggunaan kaedah ini juga adalah disarankan untuk kajian bersifat sensitif bagi menjaga kerahsiaan diri responden.

Implikasi kepada pengamal

Kajian ini turut memberi implikasi kepada beberapa pihak iaitu pengamal budaya transeksual, orang ramai dan pembuat dasar. Kepada pengamal budaya transeksual, kajian ini telah menjelaskan tentang hubungan positif infrastruktur komuniti dengan kumpulan transeksual dan ini berkemungkinan disifatkan sebagai satu sokongan kepada perjuangan mereka selama ini. Implikasi kepada masyarakat umum ialah kajian ini telah mencadangkan bahawa sifat keterbukaan dan penerimaan umum terhadap gaya hidup transeksual menyebabkan budaya ini terus berkembang dengan semakin ramai ahli masyarakat berpenampilan silang dalam ruang awam. Pihak-pihak tertentu yang mengambil keuntungan daripada aktiviti golongan ini juga telah menyumbang kepada sebaran budaya ini, sehingga fenomena transeksual telah menghasilkan pandang darat budaya baru yang semakin ketara sekalipun bertentangan dengan sistem nilai dan budaya tempatan.

Batasan kajian dan arah tuju kajian akan datang

Bagi memastikan kajian ini dapat dilakukan dengan terperinci dan mendalam, kajian ini telah dibataskan kepada beberapa perkara sahaja. Subjek dikaji hanya pelajar transeksual lelaki yang belajar di universiti yang terletak di bahagian utara Semenanjung Malaysia. Selain itu transeksual perempuan dan mereka yang telah bekerja tidak dikaji. Kajian ini berpotensi diteruskan kepada golongan transeksual di luar universiti, mereka yang telah bekerja, transeksual perempuan, dan pelajar sekolah yang menunjukkan kecenderungan ke arah mempamerkan gaya hidup transeksual. Hubungan infrastruktur komuniti dengan golongan transeksual yang berada di luar bandar serta juga adalah aspek yang berpotensi untuk dikaji. Kajian susulan tentang gaya hidup pelajar transeksual lelaki setelah tamat universiti juga perlu dikaji. Kajian-kajian seperti ini dapat membantu memahami proses perubahan budaya bagi memantau, merancang strategi dan menggubal dasar yang dapat membendung fenomena celaru gender seperti transeksual yang merupakan satu ancaman kepada sistem nilai dan budaya tempatan.

Penghargaan

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Sains Malaysia yang membiayai kajian ini di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS 2006-2009).

Bibliografi

- Berita Harian Online (10.4.2010). 'Penghuni lorong gelap ketagih bimbingan, sokongan'. http://www.bharian.com.my/bharian/articles/PenghuniLorongGelapKetagihBimbingan_Sokongan/Article/ Tarikh dilayari: 15.5.2010.
- Bell, David dan Valentine, Gill (1995). 'Queer Country: Rural Lesbian and Gay Lives'. *Journal of Rural Studies*. 11:112 -122.
- Benjamin, Harry. (1999). 'The Transsexual Phenomenon'. Electronic Book. Symposion Publishing. <http://www.symposion.com/ijt/benjamin/index.html>. Tarikh dilayari: 29.3.2007.
- Bernard, H. Russel (2000). *Social Research Method : Qualitative and Quantitative Approches*. Thousand Oaks, California : Sage Publications.
- Binnie, Jon dan Valentine, Gill (1999). 'Geographis of Sexuality – A Review of Progress'. *Progress in Human Geography*. 23(2):175-187.
- Brown, Michael dan Knopp, Larry (2005). 'Places or Polygons? Governmentality, Sexuality, and Census in the Gay and Lesbian Atlas'. *Population, Space and Place*. 12:223-246.
- Castell, M. (1983). 'The City and The Grassroots'. Berkeley, CA: University of California Press.
- CityMayors (2008). 'Bertrand Delanoe: Mayor of Paris'. City Mayors. 20. 3.2008. http://www.citymayors.com/mayors/paris_mayor.html Tarikh dilayari: 15.5.2010.
- Colonus bin Atang (2006). 'Ibu Tunggal Melayu di Negeri Pulau Pinang: Satu Kajian Status Sosio-Ekonomi dan Sokongan Sosial'. Tesis Sarjana. Bahagian Geografi, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia.
- Cresswell, Tim (1996). *In Place/Out of Place: Geography, Ideology and Transgression*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Ekins, R, dan King, D. (1997). 'Blending Genders: Contributions to the emerging field of transgender studies'. *International Journal of Transgenderism* 1(1):1-20.
- Grimaldi, J.M. dan Jacobs, J. (1996). 'HIV/AIDS Transgender Support Group: Improving Care Delivery and Creating a Community'. A paper presented at the International Conference

of AIDS at The New York Hospital, Center for Special Studies, New York. 7 - 12 July 1996.

- Hafizahril Hamid (2010). 'Homoseksual Menakutkan'. Utusan Malaysia. 21.2.2010.
- Haggett, Peter.(1983). *Geography: A Modern Synthesis*. New York: Harper & Row Publisher.
- Hamdan Abdul Kadir, et. al. (2007). 'Faktor Pendorong ke Arah Menjadi Lelaki Lembut dan Cadangan Modul Intervensinya'. Kertas kerja dibentangkan di Simposium Pengajaran dan Pembelajaran UTM 2007, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. 28 – 29 November 2007.
- Ismail Tambi (2007). 'Diskusi Transeksualiti dan Homoseksualiti dari Perspektif Sains' Kertas Kerja Dibentangkan dalam "Diskusi Transeksualiti dan Homoseksualiti dari Perspektif Agama, Sains dan Psikologi". Anjuran Sekretariat Falsafah dan Sains Islam dan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (HEP). Dewan Budaya, USM. Bartarikh 5 September 2007.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, (2010). 'Bantuan Kebajikan'. <http://www.jkm.gov.my/jkm>. Tarikh dilayari: 8.3.2010.
- Keith, Michael and Pile, Steve (Eds) (1993). *Place and the Politics of Identity*. Routledge: London and New York.
- King, D. (1993). *The Transvestite and the Transsexual*. England: Avebury.
- Kramer, J. L.(1995). 'Bachelor Farmers and Spinsters: Gay and Lesbian, Identities and Communities in Rural North Dakota'. Dalam Bell, D. dan Valentine, G., (Editor) *Mapping Desire: Geography of Sexualities*. London: Routledge. 200-213.
- Malaysia (2001). Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia: Taburan Penduduk dan Ciri-ciri Asas Demografi Bagi Tahun 2000. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- McDowell, Linda (1999). *Gender, Place and Identity*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Nanda, S. (1999). *Neither Man nor Woman: The Hijras of India*. Canada: Wadworth Publishing Company.
- Nash, Catherine J. (2005). 'Contesting Identity: Politics of Gays and Lesbians in Toronto in the 1970s'. *Gender, Place and Culture*. 12: 113-135.
- New Straits Times (6.5.2010). 'State must do more for mak nyah'. http://www.nst.com.my/Current_News/NST/articles/23nyah/Article/index.html Tarikh dilayari: 15.5.2010.

- Oswin, Natalie (2005). 'Towards Radical Geographies of Complicit Queer Futures'. *ACME: An International E-Journal for Critical Geographies*. 3(2): 79-86.
- Ringo, P. (2002). 'Media Roles in Female-to-Male Transsexual and Transgender Identity Formation'. *International Journal of Transgenderism*, Volume 6 (3).
- Robinson, Guy M. (1998). *Methods and Techniques in Human Geography*. Chichester : Wiley.
- Rogers, E. M. (1995). *Diffusion of innovations* (4th ed.). New York: Free Press.
- Rose, Gillian (1993). *Feminism and Geography: The limits of geographical knowledge*. Minneapolis: University of Minnesota Press.
- Suriati Ghazali dan Colonius Atang (2008), 'Pencarian dan Penafsiran Maklumat Kualitatif dalam Penyelidikan Geografi: Pengalaman daripada Kajian Kesejahteraan Ketua Keluarga Wanita'. *Manusia dan Masyarakat (Man and Society)*, 16(2008):319-338.
- Suriati Ghazali, Azilah Mohamad Nor, Jabil Mapjabil, Narimah Samat dan Jas Laile Suzana Jaafar (2010). 'Difusi ruangan dan imaginasi geografi pelajar lelaki transeksual di universiti tempatan di Malaysia'. Kertas kerja dibentangkan di Persidangan Kebangsaan Ke 3 Pembangunan, Sosial dan Persekitaran. Anjuran Pusat Pengajian Sosial, Pembangunan dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia. 20-21 Julai 2010.
- Sibalis, M. (2004). 'Urban Space and Homosexuality: The Example of the Marrais, Paris' Gay Ghetto'. *Urban Studies*, 41(9): 1739-1758.
- Teh Yik Koon (2001). 'Mak Nyahs (Male Transsexuals) in Malaysia: The Influence of Cultural and Religion on their Identity', *The International Journal of Transgenderism*, Volume 5(3).
- Teh Yik Koon (2002). *The Mak Nyahs: Malaysian Male to Female Transsexual*. Singapore: Eastern Universities Press.
- The New York Times (2009). 'Johanna Sigurdardottir'. The New York Times. April 27, 2009.http://topics.nytimes.com/topics/reference/timestopics/people/s/johanna_sigurdardottir/index.html. Tarikh dilayari: 15.5.2010.
- Wan Azmi Ramli (1991). *Dilema Mak Nyah*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Yayasan Pink Triangle (2009). 'Transeksual dan Program untuk Pekerja seks'. PT Foundation Malaysia. <http://www.ptfmalaysia.org/transex.html> .Tarikh dilayari: 2.12.2009
- Zulhizzam A. (2005). 'Gender Identity Disorder Among Male University Students and Their Features', *NCD Malaysia* (The Bulletin of Epidemiology and Public Health on Noncommunicable Disease) 4 (3):19 - 23.

Infrastruktur komuniti dan hubungannya dengan golongan transeksual di
Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia

Zulkifli al-Bakri (2007). 'Diskusi Transeksualiti dan Homoseksualiti dari Perspektif Agama'. Kertas Kerja Dibentangkan dalam "Diskusi Transeksualiti dan Homoseksualiti dari Perspektif Agama, Sains dan Psikologi". Anjuran Sekretariat Falsafah dan Sains Islam dan Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (HEP). Dewan Budaya, USM. 5 September 2007.